



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : KEUSAHAWANAN  
**KOD KURSUS** : DSM 3213  
**PEPERIKSAAN** : OKTOBER 2018  
**MASA** : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGNI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Terangkan **lima (5)** kompetensi keusahawanan yang perlu ada pada seseorang untuk menjadi usahawan yang berjaya.

(10 markah)

**SOALAN 2**

a. Ammar bercadang untuk membuka kilang bagi meluaskan perniagaannya. Kamu diminta menasihati Ammar untuk memohon pelbagai jenis lesen untuk memulakan perniagaannya. Senaraikan **lima (5)** lesen yang ada di dalam sektor atau industri.

(5 markah)

b. Ammar juga mahu meningkatkan keluaran operasi di kilang barunya kelak. Senaraikan **lima (5)** bantuan kewangan yang boleh di beri oleh kerajaan untuk usahawan seperti Ammar.

(5 markah)

**SOALAN 3**

Rancangan Perniagaan sangat diperlukan oleh seorang usahawan. Huraikan **lima (5)** kepentingan penyediaan Rancangan Perniagaan.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Seorang pengurus yang baik ialah yang dapat membuat perancangan yang sistematis untuk perniagaannya. Terangkan **lima (5)** kepentingan perancangan di dalam sesbuah perniagaan.

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Munirah bercadang untuk membuka kedai kek di kawasan perumahannya memandangkan kesukaran untuk mendapatkan bekalan kek terutamanya pada musim perayaan. Bincangkan proses dalam mengenal pasti, menilai dan memilih peluang yang perlu Munirah lakukan sebelum membuka kedai kek yang diimpikannya itu.

(20 markah)

**SOALAN 2**

Volkswagen AG dan Ford Motor Company telah menandatangani Memorandum Persefahaman dan menerokai pakatan strategik yang direka untuk mengukuhkan daya saing syarikat dan pelanggan yang lebih baik di seluruh dunia. Syarikat-syarikat ini juga sedang meneroka projek-projek yang berpotensi di beberapa bidang termasuk membangunkan pelbagai kenderaan komersial bersama-sama untuk memenuhi keperluan pengguna yang semakin berkembang.

- a. Bincangkan **empat (4)** kaedah perikatan strategik yang boleh dilaksanakan oleh kedua-dua syarikat.

(12 markah)

- b. Jelaskan **empat (4)** kelebihan sekiranya perikatan strategik tersebut dilaksanakan.

(8 markah)

**SOALAN 3**

Pemasaran adalah fungsi sosial dan pentadbiran yang bertujuan untuk mencipta, mengembangkan dan mengekalkan pelanggan dalam suatu aktiviti ekonomi atau pertukaran barang dan perkhidmatan.

- a. Bincangkan **empat (4)** langkah utama dalam menyediakan ramalan jualan.  
**(12 markah)**
- b. Huraikan secara ringkas **empat (4)** strategi barang.  
**(8 markah)**

**SOALAN 4**

Pengurusan operasi melibatkan beberapa proses seperti pembelian bahan mentah, penghasilan produk, pengawalan kualiti produk dan pengawalan stok.

- a. Bincangkan **empat (4)** proses pengeluaran berserta contoh.  
**(16 markah)**
- b. Terangkan **dua (2)** aspek kawalan kualiti.  
**(4 markah)**

**[60 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

